

Duit raya RM500 untuk penjawat awam, pesara RM250

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri kepada lebih dua juta penjawat awam dan pesara yang akan dimasukkan bersama pembayaran gaji pada 25 April ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bantuan khas RM500 akan diterima semua penjawat awam Gred 56 dan ke bawah termasuk kakitangan di bawah skim Contract Of Service, Contract For Service, Pegawai Sambilan Harian serta lantikan di bawah MySTEP.

Menurut beliau, bantuan khas RM250 juga diberikan kepada pesara kerajaan dan tarikh pembayaran juga sama.

"Pengumuman pemberian Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri pada tahun ini dibuat lebih awal sebagai salah satu langkah keprihatinan kerajaan dalam membantu mereka membuat perancangan awal



dan persiapan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri.

"Pemberian ini adalah bagi menghargai jasa dan pengorbanan penjawat awam dalam menggalas tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan kepada Keluarga Malaysia," kata beliau dalam kenyataan semalam.

Perdana Menteri berharap pemberian bantuan khas melibatkan peruntukan RM923 juta itu dapat meringankan beban kewangan penjawat awam dan pesara serta dijadikan sebagai pemangkin kepada mereka untuk terus berkhidmat dengan penuh dedikasi.

Kerajaan berharap dengan pemberian bantuan khas melibatkan peruntukan RM923 juta itu dapat meringankan beban kewangan kepada penjawat awam."

ISMAIL SABRI YAAKOB

Pada 24 Januari lalu, kerajaan di bawah Ismail Sabri menyalurkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 bernilai RM700 kepada pegawai perkhidmatan awam Gred 56 dan ke bawah manakala RM350 kepada pesara kerajaan.

Bantuan itu diluluskan dalam Belanjawan 2022.